

08/09/2002

Paya Indah anjur karnival mulai 11 Oktober

KUALA LUMPUR: Paya Indah Wetlands (Paya Indah) akan menganjurkan karnival sempena ulang tahun pertamanya pada 11 hingga 13 Oktober depan dengan tetamu istimewanya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengarah Penerangan Maklumat Perniagaan dan Pembelajaran Malaysian Wetlands Foundation, Shereen Chan, berkata orang ramai yang ingin menyertai karnival itu dikehendaki membayar RM20 seorang.

Beliau berkata, sebanyak lima kategori dibuka untuk larian itu yang mengenakan bayaran antara RM5 hingga RM10.

"Larian sejauh 10 kilometer itu akan diadakan sekitar Paya Indah Wetlands bertujuan mempromosikan taman itu sebagai kawasan rekreasi baru di Lembah Klang selain memperkenalkan pelbagai aktiviti dan sukan di taman itu," katanya.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai karnival dan pertandingan boleh diperoleh melalui Hanim Shukor di talian 03-87687699, 016-6302061 atau faksimili di 03-87687703.

Maklumat lanjut aktiviti juga boleh diperoleh melalui laman web www.payaindah.org.my atau emel kepada mwf@mwf.nasionet.net.